

Tabika Lapasan terima sentuhan keceriaan 42 pelajar UMS

Oleh Henry Bating

UM 12.12.2019 4

TELIPOK: Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) Kemas Kg Lapasan sekali lagi menerima sentuhan 42 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam menerbitkan bangunan melalui program 'Go-Green' bertemakan 'Spread love with help and care'.

Penasihat Program Nelson Justin berkata, program itu bertujuan memberi pendedahan kepada kalangan pelajar dalam khidmat masyarakat di samping memberi manfaat kepada penduduk.

"Kalangan pelajar yang terlibat ialah kursus interim seksyen tiga untuk memperoleh pengalaman dalam pemupukan sifat prihatin tentang keadaan sekeliling sebagai penambahan kemahiran insaniah dalam diri," katanya kepada media semalam.

Program yang dikendalikan pengarah aktiviti Addbelcurney Tsau bersama rakan-rakan pelajar turut disertai Penyelia Kanan Parlimen Sahar Mantahin, Pengerusi MPKK Lapasan Tony Imon dan Pengerusi Tabika Gapur Odin.

Seramai 16 murid Tabika bersama ibu bapa dan guru turut menyemarakkan program khidmat masyarakat itu.

Pelbagai kerja kemasyarakatan telah dijalankan termasuk pemuliharaan dan pengubahsuaian komponen bangunan Tabika, lukisan mural dinding, pembinaan laluan pejalan kaki dan pembersihan halaman kejiranan.

"Kerja-kerja itu dijalankan untuk mewujudkan suasana kondusif serta menyerlahkan identiti institusi pembelajaran yang bersih, indah, selamat dan ceria," kata Nelson.

Program bermula seawal jam 8 pagi dengan majlis perasmian yang diisi dengan aktiviti nyanyian lagu Negaraku, Sabah Tanah Airku dan Bertekad Cemerlang.

Aktiviti diteruskan dengan kerja-kerja mewarna, beria-



TANDA PENGHARGAAN: Nelson menyampaikan cenderamata kepada Sahar (kiri).



KEMAHIRAN: Kerja-kerja menyimen laluan.



KENANGAN: Acara bergambar beramai-ramai.

dah bersama pelajar Tabika yang dikendalikan beberapa pelajar UMS.

Manakala pada sebelah


petang beberapa kerja turut dijalankan seperti melukis mural, mengutip sampah dan menyediakan jalan (laluan



RIANG RIA: Aktiviti bersama pelajar Tabika.



KECERIAAN: Aktiviti mengecat ruang dalam dan luar Tabika.



HALAMAN: Membersihkan kawasan jiran tetangga.

simen) yang lebih selamat ke Tabika.

Sahar dalam ucapannya berterima kasih kepada kalangan

peserta yang terlibat dan berharap lebih banyak program seperti itu dapat diteruskan di tempat berkenaan.